

### NOTIS SEBUTHARGA

<b>NO. SEBUT HARGA</b>	UKM/PKP-04/2018
<b>TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>PEMBELIAN 300 UNIT IPAD BAGI KEGUNAAN PELAJAR FAKULTI EKONOMI &amp; PENGURUSAN DAN FAKULTI PENGAJIAN ISLAM BAGI SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018-2019</b>
<b>NO. PETI SEBUT HARGA</b>	<b>8</b>
<b>TARIKH TUTUP</b>	27 September 2018
<b>MASA</b>	12.00 Tengahari
<b>TEMPAT</b>	Peti Sebutharga, Pusat Khidmat Kewangan (PKKew), Aras 1, Jabatan Bendahari, Bangunan Canselori, UKM

- Sebut Harga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **210101 / 210108 / 210201 / 210202** bagi **pembelian 300 unit iPad bagi kegunaan pelajar Fakulti Ekonomi & Pengurusan dan Fakulti Pengajian Islam bagi semester 1 Sesi Akademik 2018-2019**
- Universiti tidak terikat untuk menerima mana-mana Sebut Harga.
- Dokumen Sebut Harga boleh didapati pada waktu pejabat dari jam 8.15 pagi - 12.30 tengahari ( Isnin-Khamis), & 3.00 petang - 4.30 petang (Jumaat) di **Aras 2, Pusat Kembangan Pendidikan, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor**.
- Dokumen Sebut Harga akan dijual dalam bentuk salinan lembut (softcopy). Sila bawa bersama pemacu pena (pendrive).
- Bayaran sebanyak RM30.00 hendaklah dibuat di Kaunter Kewangan, Pusat Kembangan Pendidikan, Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor pada waktu pejabat yang sama. Bayaran adalah bentuk Tunai / Cek / Debit Kad / Kredit Kad dibayar atas nama **PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**. Bayaran tidak akan dikembalikan.
- Sila kemukakan Satu Set Salinan Fotostat Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di atas dan Sijil Taraf Bumiputera (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia kepada Jabatan sewaktu mengambil Dokumen Sebut Harga.
- Tempoh sahlaku Sebut Harga adalah selama sembilan puluh (90 hari) selepas tarikh tutup sebut harga tersebut.
- Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.
- Setiap Penyebutharga hendaklah menyerahkan **Surat Akuan Pembida Lampiran F** (SAP bertarikh 1 April 2010) sebelum memasukkan Dokumen Sebut Harga ke dalam Peti Sebut Harga.